

MENEMPA PERUBAHAN PEMBANGUNAN BELIA NEGARA ABAD KE-21

Hala tuju pembangunan belia negara terletak di atas bahu kita semua. Kita boleh mempunyai banyak pilihan tentang bagaimana untuk membentuk generasi pewaris pada masa hadapan tetapi kita perlu bertanggungjawab dengan pilihan yang kita buat pada masa sekarang. Ini kerana pilihan yang kita buat memberi kesan kepada generasi akan datang. Hari ini, semua orang bercakap bahawa belia merupakan aset negara. Tetapi, apakah bentuk aset yang hendak kita lahirkan dan bangunkan? Adakalanya dengan menganggap belia sebagai aset negara, ada sesetengah daripada kita menyerahkan sepenuhnya tugas membangunkan belia kepada kerajaan dan kumpulan tertentu sahaja. Lantaran lupa bahawa belia juga adalah milik kita, seperti mana seseorang itu menganggap bahawa wang, harta, tanah dan lain-lain yang dimiliki sebagai milik mereka yang perlu diusahakan.

Dalam konteks negara kita, kajian demi kajian telah banyak dilaksanakan oleh pelbagai pihak yang prihatin dan ingin menyumbang kepada pembangunan belia negara. Kita mempunyai banyak stok data tentang pelbagai permasalahan belia yang dikaji. Ada yang memberi khabar gembira buat belia dan negara. Begitu juga sebaliknya. Yang penting data ini perlu disebarluaskan dengan cara yang betul dan berkesan agar semua pihak mengetahui kepentingan belia sebagai rakan pembangunan negara. Adalah tidak wajar dapatan kajian tersimpan dan hanya menjadi rekod penyelidikan masa lampau dalam kalangan pengkaji.

Dapatkan kajian yang disebarluaskan juga wajar diulas dengan kritikal, mendalam dan dengan rasa penuh tanggungjawab oleh para pengkaji sesuai dengan permasalahan yang dilihat. Segenap aspek yang berkait rapat dengan permasalahan kajian perlu diulas dengan mendalam dan bukan sekadar ‘melepaskan batuk di tangga’. Dapatkan kajian perlu dihursti secara luaran berasaskan teori tertentu yang mengikat perbincangan hasil dapatan kajian. Selain itu, apa-apa saranan kajian lanjutan mengenai permasalahan yang sama wajar dinyatakan oleh pengkaji supaya permasalahan kajian dapat diteliti sepenuhnya pada masa akan datang agar tidak dilihat sebagai usaha separuh jalan.

Justeru, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) telah berusaha mengumpulkan semua dapatan kajian tentang belia yang dijalankan oleh kumpulan penyelidik yang ditawarkan geran penyelidikan di bawah penyelarasan IYRES. Dapatkan saintifik dikumpul dalam bentuk penerbitan buku dan jurnal ilmiah. Usaha ini penting supaya maklumat yang tepat mengenai senario pembangunan belia negara dapat ditatap secara umum dan diguna pakai oleh semua pemegang taruh dan lapisan masyarakat.

Dalam konteks penerbitan prosiding ini, semua penulisan hasil penyelidikan disusun dan dipersembahkan mengikut tema berikut: 1) Merungkai dan Mendepani Permasalahan Sosial Belia; 2) Membangunkan Aset dan Potensi Belia; 3) Belia dan Isu Antarabangsa; dan 4) Hala Tuju Belia (Polisi dan Dasar).

MERUNGKAI DAN MENDEPANI PERMASALAHAN SOSIAL BELIA

Bagi merungkai dan mendepani permasalahan sosial belia, Hanina Hamsan dan Mohamad Dahalan Ibrahim melalui kajian mereka bertajuk ‘Kajian Permasalahan Sosial Belia Malaysia’ mengenal pasti pola dan faktor penyebab belia di Malaysia melakukan aktiviti yang menjurus kepada permasalahan sosial. Terdapat enam kategori permasalahan sosial yang dikaji iaitu kenakalan, salah laku seksual, penyalahgunaan bahan, jenayah, ekstremisme dan salah guna siber. Hasil kajian menunjukkan bahawa setiap kategori permasalahan sosial adalah berpunca daripada rakan sebaya di samping kelemahan lokus kawalan dalaman responden. Cadangan intervensi adalah berdasarkan model SCORE yang memperincikan simptom setiap permasalahan, punca berlaku, tindakan yang sepatutnya dilakukan dan kesan terhadap belia.

Dalam kajian bertajuk ‘Mengarusperdanakan generasi muda dari komuniti terpinggir melalui inovasi sosial sebagai model baharu dalam keusahawanan dan teroka bisnes baharu’, Raja Suzana Raja Kasim, Zulazli Hashim, Abang Feizal Abang Ibrahim, Zainudin Awang, Mokhtaruddin Ahmad dan Sazali Abdul Wahab memberi tumpuan kepada pembangunan keusahawanan dengan penekanan kepada inovasi sosial. Salah satu penemuan kajian yang ketara menunjukkan bahawa inovasi sosial adalah pemboleh ubah pengantara (mediator) dan memberi kesan yang signifikan terhadap pilihan generasi muda komuniti terpinggir (GMKT) untuk meneroka bisnes baharu. Inovasi sosial telah diterima oleh generasi muda sebagai satu platform untuk mengenal pasti masalah-masalah sedia ada, bagaimana generasi muda dapat mengeksplorasi masalah-masalah ini; dan mengenal pasti jalan penyelesaian kepada masalah itu sebagai satu peluang untuk meneroka bisnes baharu. Generasi muda didapati tidak terus memilih untuk meneroka bisnes baharu tetapi lebih cenderung untuk berinteraksi dan melibat diri secara inovatif melalui *crowdsourcing* dan *crowdfunding*. Mereka didapati memilih interaksi inovasi sosial sebagai penyelesaian akhir yang mendorong mereka untuk meneroka bisnes baharu dengan bantuan program bisnes terbimbing secara mentor dan *coach*. Kajian juga mendapati bahawa generasi muda masa kini telah memilih keusahawanan dengan interaksi inovasi sosial sebagai sektor baharu yang mencipta pekerjaan dan kerjaya mereka di masa hadapan. Penyelidik juga mencadangkan satu dasar untuk menyokong penerokaan bisnes baharu dengan menggunakan pendekatan inovasi sosial melalui program bisnes terbimbing secara mentor dan *coach* yang mesra generasi muda masa kini. Dasar ini diharap dapat membangunkan industri perniagaan mikro secara komersial dan cadangan dibawa ke peringkat nasional dengan mengambil kira sokongan bantuan pra-modal perniagaan bagi generasi muda dari kawasan terpinggir. Pelbagai program bisnes terbimbing mentor dan *coach* yang selaras dengan kekangan demografi, sosial dan ekonomi mereka juga perlu dibangunkan. Pembentukan dasar pengumpulan dana secara crowd-funding dan sokongan bantuan modal permulaan dari sumber Zakat dan Wakaf juga disarankan bagi memberi peluang lebih ramai generasi muda masa kini untuk berkecimpung di dalam bidang keusahawanan yang berintensif inovasi sosial.

Dalam mendepani isu berkaitan belia berisiko, kajian bertajuk “Pembangunan program pencelahan holistik dan mampan berteraskan kejiranan untuk menangani isu remaja (15-30 tahun) berisiko tinggi” oleh Wasitah Mohd Yusof, Denison Jayasooria dan Jasmine Adaickalam mengenalpasti beberapa cabaran utama khususnya isu keciciran sekolah, isu pencapaian rendah, isu kekangan keyakinan dan kekurangan kesedaran sebagai punca penyertaan-sifar dalam program-program remaja anjuran Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan. Kumpulan sasar juga telah memperlihatkan elemen penafian dalam konteks pengakuan penglibatan dalam aktiviti anti-sosial. Kajian juga menyarankan keperluan analisa yang lebih mendalam berhubung kapasiti agensi-agensi (yang menawarkan program remaja) dan kualiti program yang dirujuk. Strategi pencelahan dicadangkan dengan mengetengahkan realiti yang wujud di peringkat akar umbi dan bagaimana realiti ini mempengaruhi golongan belia berisiko tinggi daripada keluarga dan kejiranan dalam kategori B-40. Kajian juga menunjukkan bahawa usaha pencelahan melibatkan kumpulan sasar spesifik agak terhad malah pendekatan yang bersifat holistik dan terselaras masih kurang. Sehubungan ini, dimensi advokasi polisi diutarakan dalam memastikan golongan muda diberi peluang dan akses yang saksama untuk terlibat atau menyertai

semua perkhidmatan (program) yang boleh menyerlahkan potensi diri mereka sepenuhnya.

Kajian oleh Saidatulakmal Mohd, Abdelhak Senadjki, Siti Rohaya Mat Rahim, Thurai Murugan Nathan, Chin-Yu Lee dan Mahmud Abd Wahab yang melihat kesan teknologi moden kepada penglibatan belia Malaysia dalam jenayah siber mendapati bahawa lebih masa dibelanjakan oleh belia untuk aktiviti internet atau teknologi yang berkaitan menggalakkan aktiviti jenayah siber. Kajian mendapati bahawa medium yang sama atau saluran untuk menjalankan aktiviti jenayah siber adalah e-mel, penciptaan blog, urus niaga dalam talian dan teknologi baru. Analisis juga mendapati bahawa faktor umur (belia ke bawah), jantina (lelaki), etnik (Bumiputera), penginapan (Flat/ Apartmen/ Kondominium) dan rantau (Lembah Klang) adalah signifikan sebagai pembolehubah demografi sosio dalam mempengaruhi penglibatan belia dalam jenayah siber. Kajian juga mencadangkan beberapa strategi bagi membendung pengaruh negatif teknologi kepada belia.

Dalam konteks yang sama, Lai Chee Sern, Mimi Mohaffyza Mohamad, Lee Ming Foong, Kahirol Mohd Salleh, Nor Lisa Sulaiman dan Wilson Chang Vui Seng meninjau keadaan sebenar tentang buli siber di Malaysia. Secara spesifik, kajian mengenalpasti buli siber dalam kalangan remaja berdasarkan demografik responden, platform buli siber, faktor penyebab buli siber, serta kesan buli siber terhadap remaja. Kajian menunjukkan bahawa kaum Melayu telah mencatatkan peratusan mangsa buli siber yang paling tinggi berbanding dengan kaum lain. Selain itu, hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa perempuan selalunya menjadi sasaran buli siber berbanding dengan lelaki. Teknik buli siber yang biasanya digunakan oleh pembuli siber adalah menghantar bahan ofensif atau lucu kepada mangsa. Dari segi platform buli siber pula, didapati Facebook dan aplikasi sosial telefon bimbit merupakan antara platform yang paling biasa berlakunya buli siber. Beberapa kesan buli siber telah dikenalpasti di mana kesan yang paling dominan adalah mangsa buli siber boleh mengalami perubahan emosi serta menjadi terlalu sensitif terhadap persekitaran mereka. Oleh kerana masalah buli siber sudah semakin serius dan berleluasa, pihak bertanggungjawab di semua peringkat perlu mengambil tindakan yang berkesan supaya masalah buli siber dalam kalangan remaja dapat dibendung.

Dalam kajian mereka yang bertajuk ‘Pengaruh kefungsian keluarga terhadap tingkah laku devian dalam kalangan belia di Malaysia’, Yaakob Daud, Yahya Don, Mohd Isha Awang, Siti Hajar Mohamad Yusof dan Shukri Zain mengenal pasti kefungsian keluarga dan tingkah laku devian dalam kalangan belia di Malaysia. Selain itu, kajian juga meneliti tahap tingkah laku devian belia, perbezaan tingkah laku devian belia berdasarkan faktor demografi (zon, jantina, umur, bangsa, banyak meluangkan masa bersama siapa, tinggal bersama siapa, dan taraf pendidikan), serta tahap kefungsian keluarga berdasarkan faktor demografi banyak meluangkan masa bersama siapa dan tinggal bersama siapa. Kajian mendapati bahawa tahap tingkah laku devian belia adalah rendah, tahap kefungsian keluarga sederhana, namun tinggi kohesi dan sederhana kebolehsuaian. Peratus tertinggi penglibatan belia dalam tingkah laku devian adalah dari kalangan belia yang tinggal bersama keluarga dan belia yang banyak meluangkan masa bersendirian. Dapatkan juga menunjukkan wujud hubungan negatif antara kefungsian keluarga dengan tingkah laku devian dimana kefungsian keluarga mempunyai pengaruh yang rendah terhadap penglibatan belia dalam tingkah laku devian.

Kajian ‘Stres dalam kalangan belia bekerja di Malaysia’ oleh Wasitah Mohd Yusof, Ma’rof Redzuan, Zainal Madon, Mohd Rizal Mohd Sham, Asnida Abd. Hamid dan Norhidayah Omar pula telah mendapatkan gambaran berkaitan kelaziman stres dalam kalangan belia bekerja, khususnya dari segi tahap, faktor dan daya tindak mereka dalam mengatasi stres. Kajian ini yang melibatkan belia berumur antara 18 hingga 30 tahun yang bekerja di sektor swasta dan kerajaan meliputi kawasan bandar dan luar bandar di Malaysia ini mendapati bahawa tahap stres yang dihadapi oleh belia bekerja adalah sederhana. Terdapat tujuh faktor stres dalam kalangan belia bekerja merangkumi faktor luaran, individu, perkembangan kerjaya, struktur organisasi, iklim organisasi, peranan dalam organisasi dan hubungan di tempat kerja. Analisis berkaitan faktor stres mendapati yang domain-domain faktor berkaitan dengan kerja dan tempat kerja kurang berperanan dalam menyumbang kepada stres dalam kalangan

belia; sebaliknya faktor yang lebih menyumbang ialah datangnya dari luar tempat kerja dan faktor diri individu pekerja itu sendiri. Domain dalam faktor luaran ialah berkaitan perkara terpaksa melakukan kerja lebih masa (tambahan), terperangkap dengan kesesakan jalan, jarak yang jauh dari tepat kerja, dan perlu menguruskan anak-anak/ibu bapa sebelum ke tempat kerja. Belia cenderung menggunakan strategi tindak berfokus masalah berbanding dengan strategi berfokus emosi. Kajian mereka turut mengemukakan pelan strategi tindak ke atas stres dalam kalangan belia bekerja iaitu mengambil kira aspek psikologi (pemikiran dan persepsi), pemilikan sumber bagi digunakan untuk menangani stres, dan aspek strategi proaktif. Masalah stres dalam kalangan belia bekerja perlu diberikan perhatian khusus di Malaysia kerana belia merupakan komponen tenaga kerja yang produktif di negara ini.

Mohd Sobhi Ishak, Awan Ismail, Bakri Mat, Azahar Kassim, Shariffah Mamat dan Noratiqah Talib dalam kajian mereka yang bertajuk ‘Pengaruh televisyen dan media sosial terhadap golongan belia di Malaysia’ mengenalpasti pengaruh televisyen dan media sosial terhadap golongan belia di Malaysia dengan memperihalkan pola tontonan TV, corak penggunaan media sosial dan impak media dalam mempengaruhi pemikiran belia. Kajian mendapati pola tontonan TV oleh belia Malaysia tertumpu kepada program yang berdasarkan hiburan dan mendatangkan keseronokan segera. Manakala, analisis penggunaan media sosial mendapati belia cenderung membina dan mengekalkan hubungan sosial dalam kumpulan tertentu. Televisyen dan media sosial ternyata menjadi platform yang menyajikan pelbagai kandungan tontonan yang mempengaruhi pemikiran belia mengenai realiti kehidupan. Justeru, kandungan media yang mempunyai nilai dan norma positif perlu dipertingkatkan selari dengan norma sosial masyarakat. Bimbingan mengenai penggunaan media kepada golongan belia khususnya di Malaysia harus diterap supaya kandungan media menjadi suatu yang bermanfaat dalam kehidupan mereka.

Secara keseluruhan, apa yang dapat dirumuskan daripada tema ‘Merungkai dan mendepani permasalahan sosial belia’ ialah:

1. Pelbagai faktor menjadi punca kepada masalah sosial dalam kalangan belia antaranya pengaruh rakan sebaya, persekitaran, masalah keluarga dan kurangnya pendidikan agama;
2. Cabaran dan masalah generasi muda perlu diperhalusi secara menyeluruh. Antaranya dengan mengarusperdanakan golongan muda komuniti terpilih (GMKT) agar mereka berada dalam satu landasan yang sama dengan belia massa;
3. Isu belia berisiko harus didepani melalui penglibatan komuniti/kejiranan. Ini akan dapat membantu mewujudkan persekitaran yang positif dalam kalangan belia
4. Sinergi bersama semua pihak di pelbagai peringkat Negara, negeri, daerah dan komuniti perlu dilaksanakan bagi membendung keterlibatan masyarakat khususnya belia dalam aktiviti radikalisme/ekstremisme;
5. Elemen kefungsian keluarga, kendiri, pendidikan dan keagamaan adalah antara teras untuk memperkuatkkan keperibadian dan jati diri belia dari terjebak dalam tingkah laku berisiko/masalah sosial;
6. Pengaruh media khususnya media sosial sangat mempengaruhi tingkah laku belia. Untuk itu, belia perlu dibekalkan dengan ilmu yang mencukupi dan bermanfaat supaya lebih matang dan bertanggungjawab dalam memilih media yang sesuai untuk dirujuki dalam aktiviti sehari-hari kehidupan mereka.
7. Inisiatif penyerahan potensi belia perlu digerakkan secara bersepadan berpandukan kepada Dasar Belia Malaysia.

MEMBANGUNKAN ASET DAN POTENSI BELIA

Bagi tema membangunkan aset dan potensi belia, kajian oleh Rusmawati Said, Asmaddy Haris, Zulkarnain Yusop, Azmawani Abdul Rahman dan Yuhanis Abd Aziz bertajuk 'Faktor menyebabkan golongan NEET tercicir dari aspek pendidikan' membangkitkan tentang masalah belia tercicir yang masih berlaku walaupun sejumlah 1.5 juta peluang pekerjaan baharu diwujudkan di bawah RMK11 untuk semua belia terlibat sama dalam pembangunan ekonomi yang dirancang. Justeru, usaha negara untuk menyediakan modal insan dan belia yang berpengetahuan, berkemahiran dan mempunyai nilai tambah dalam daya saing serta produktiviti negara adalah perlu ditingkatkan. Artikel ini mengupas faktor pendidikan yang menyumbang kepada keciran belia Malaysia atau dikenali juga sebagai NEET. Menggunakan kaedah kumpulan fokus dengan mengambil kira 152 responden yang merangkumi 13 buah negeri di Malaysia. Kajian ini mendapati faktor keluarga merupakan faktor yang utama menyebabkan kumpulan NEET ini tercicir dari mengikuti mana mana pendidikan dan latihan.

Kajian Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad dan Jamil Ahmad bertajuk 'Kepelbagaian aspirasi kepimpinan politik negara dari perspektif belia Malaysia', meninjau aspirasi belia terhadap kepimpinan politik negara dari aspek kredibiliti karakter pemimpin, idealisme perjuangan politik, gaya kepimpinan politik, dan kecenderungan belia dalam pemilihan pemimpin politik. Kajian yang melibatkan belia berumur 19 sehingga 25 tahun daripada lima zon di Malaysia ini menunjukkan kepelbagaian aspirasi kepimpinan politik negara kalangan belia. Kajian mendapati tiada perbezaan yang signifikan bagi aspek integriti, gaya kepimpinan menyokong dan keprihatinan pemimpin politik. Hal ini menunjukkan bahawa faktor latarbelakang demografi banyak mempengaruhi kecenderungan dan aspirasi belia terhadap kepimpinan politik negara. Justeru, penyelidik berpendapat bahawa program kepemimpinan belia perlu dibangunkan selaras dengan aspirasi dan kecenderungan belia.

Kajian bertajuk 'Kesempurnaan, kepuasan tubuh badan dan kebimbangan sosial dalam kalangan belia Malaysia di universiti' oleh Mansor Abu Talib, Ang Chin Siang dan Norhayati Mohd Noor pula membangkitkan perihal kebimbangan sosial sebagai satu masalah kognitif dan tingkahlaku yang memberi kesan buruk terhadap kefungsian hidup belia masa kini dan akan datang. Kajian lepas menunjukkan kadar prevalen kebimbangan sosial belia Malaysia terutamanya pelajar adalah sekitar 22.5% dan dianggap tinggi serta perlu dikekang. Dalam kalangan belia Malaysia, kebimbangan sosial adalah biasa bagi mereka yang dalam kategori overweight dan obes. Kajian ini menentukan hubungan antara pengaruh kesempurnaan (perfectionism), kepuasan tubuh badan dan kebimbangan sosial belia di universiti. Dapatkan menunjukkan bahawa kepuasan tubuh badan mempunyai perkaitan positif yang signifikan terhadap piawaian kesempurnaan (perfectionism standard) dan negatif terhadap perfectionism discrepancy. Kesimpulan kajian ini ialah kepentingan faktor kognitif iaitu kesempurnaan (perfectionism) dan estim tubuh badan mempengaruhi tahap ketakutan dan pengelakan yang menjadi konstruk utama dalam kebimbangan sosial. Usaha intervensi dan preventif bagi kebimbangan sosial hendaklah mengambil kira kepentingan adaptive perfectionism dan juga estim tubuh badan belia.

Saridan Abu Bakar dalam kajian beliau bertajuk 'Transformasi usahawan belia bumiputera daripada tahap mikro ke perusahaan kecil & sederhana (PKS)' mengkaji tahap transformasi perusahaan mikro milikan usahawan belia bumiputera kepada PKS bagi tahun 2012 hingga 2014 dan menilai sumbangan belia terhadap ekonomi negara. Dapatkan kajian menunjukkan tahap keupayaan PKS belia masih lagi berada pada tahap yang sederhana dan rendah. Sebahagian besar PKS hanya memasarkan produk di peringkat daerah dan keupayaan mereka untuk meneroka peluang pasaran baru adalah sederhana. Selain daripada itu, tahap teknologi pengeluaran PKS juga berada pada tahap yang sederhana dengan penggunaan teknologi maklumat dan komputer (ICT) yang juga pada tahap yang sederhana. Keupayaan PKS di dalam menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan serta pengkomersilan (R&D&C) juga sederhana dan sebahagian besar daripadanya juga tidak mempunyai peruntukan untuk aktiviti penyelidikan dan pembangunan serta pengkomersilan (R&D&C). Aktiviti inovasi di kalangan PKS belia bumiputera juga pada tahap yang sederhana dan perlu ditingkatkan.

Dalam kajian bertajuk ‘Pendidikan agama Islam dan penglibatan dalam gerakan islam radikal di kalangan belia di Malaysia’, Nursalihah Ahmad Raston, Yohan Kurniawan, Noor Raihaini Zainol dan Nurul Hasliana Hamsani mengutarakan fenomena rakyat Malaysia yang mengikuti kumpulan Islam radikal, ISIS, yang mana jumlahnya semakin meningkat. Peningkatan jumlah rakyat Malaysia mengikuti kumpulan Islam radikal adalah antaranya disebabkan oleh kurangnya tahap pengetahuan dan pemahaman agama Islam, semakin bertambah pengaruh kumpulan ISIS melalui media sosial, pengaruh rakan dan kumpulan. Kajian mereka mengenalpasti tahap pemahaman agama dalam perjuangan jihad serta memetakan faktor-faktor yang menyebabkan belia di Malaysia tertarik mengikuti kumpulan ISIS. Hasil kajian mendapati hanya satu faktor yang tidak signifikan iaitu Pengaruh Persekutaran dengan nilai signifikan $0.327 > 0.05$. Namun, kesemua faktor yang lain masing-masing adalah signifikan terhadap kecenderungan keterlibatan belia di Malaysia dalam gerakan Islam radikal. Faktor pemahaman agama amat memainkan peranan penting dalam kecenderungan belia dalam gerakan Islam radikal kerana nilai estimate (β) adalah yang tertinggi jika dibandingkan dengan signifikan faktor yang lain iaitu 0.932. Ini diikuti oleh pengaruh kawalan (0.733) dan pengaruh media (0.651). Kementerian Belia dan Sukan disarankan untuk membina dan menjalankan program khas bagi mendidik, memberi pemahaman dan mencegah belia daripada terlibat dengan kumpulan Islam radikal, seperti ISIS atau DAESH.

Justeru, terdapat lima perkara yang boleh dirumuskan daripada himpunan makalah dalam Tema 2: Membangunkan Aset dan Potensi Belia. Ringkasannya adalah seperti berikut:

1. Tumpuan perlu diberikan kepada golongan NEET khususnya dalam membantu meningkatkan potensi mereka dalam bidang pendidikan, pekerjaan dan latihan;
2. Usaha mewujudkan gaya hidup aktif dan cergas melalui budaya bersukan perlu diperhebatkan;
3. Usaha mencungkil potensi belia harus dilaksanakan melalui panduan/tunjuk ajar golongan profesional;
4. Usaha menstransformasikan usahawan belia bumiputera daripada tahap mikro kepada Industri Kecil dan Sederhana perlu dipergiatkan;
5. Pendidikan dan latihan kemahiran merupakan salah satu kaedah perubahan berencana yang berkesan bagi membangunkan potensi belia Malaysia.

BELIA DAN ISU ANTARABANGSA

Bagi tema yang membincangkan tentang belia dan isu antarabangsa, Kamarulnizam Abdullah, Guido Benny, Yahya Don, Mohd Sofian Omar Fauzee dan Zahrul Akmal Damin dalam kajian mereka bertajuk ‘Komuniti ASEAN: Adakah Belia Malaysia sedar dan bersedia?’ mengenalpasti kefahaman, sikap, kepekaan, dan persediaan belia Malaysia dalam menjayakan konsep Komuniti ASEAN. Pengetahuan dan pemahaman di kalangan belia Malaysia terhadap Komuniti ASEAN masih lagi minimal. Walaubagaimanapun, belia Malaysia dalam kajian mempunyai persepsi yang baik tentang kerelevan dan faedah yang ditawarkan oleh Komuniti ASEAN. Walaupun kepekaan mereka rendah, mereka memperkenan sokongan kepada pembentukan komuniti ini. Penyelidik membuat kesimpulan bahawa Belia Malaysia sebenarnya masih belum bersedia untuk menerajui agenda Komuniti ASEAN. Kajian menunjukkan bahawa pihak Kerajaan perlu melipat gandakan usaha untuk mensosialisasikan program yang berbentuk inkulsif sebagai salah satu strategi menyediakan belia Malaysia yang peka dan bersedia kepada integrasi serantau khususnya ASEAN dengan lebih mendalam.

Dalam tema yang sama, Che Mohd Aziz Yaacob, Bakri Mat, Fakhrorazi Ahmad, Mohd Azizuddin Mohd Sani, Rusdi Omar dan Kamarul Zaman Yusoff melalui kajian mereka bertajuk ‘Potensi penerimaan

dan penolakan pelajar IPT terhadap kumpulan The Islamic State of Iraq and Syria (ISIS) di Semenanjung Malaysia' pula mengenal pasti tahap kefahaman dan potensi penerimaan dan penolakan terhadap ISIS dalam kalangan pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) di Semenanjung Malaysia. Kajian berjaya mendapatkan maklumat tentang kefahaman dan potensi penerimaan dan penolakan pelajar terhadap ISIS. Majoriti pelajar IPT masih belum mempunyai pemahaman jelas tentang ISIS. Tahap kefahaman tersebut adalah dipengaruhi oleh faktor-faktor persekitaran seperti media massa, media sosial dan rakan-rakan. Walaupun secara umumnya dari sudut tahap penerimaan dapatkan menunjukkan bahawa majoriti pelajar-pelajar IPT didapati menolak perjuangan ISIS, masih terdapat sebilangan kecil pelajar-pelajar ini yang masih belum pasti dan ada yang didapati bersetuju dan menyokong perjuangan ISIS. Penyelidik berpendapat bahawa peranan yang serius harus dimainkan oleh kerajaan untuk menangani isu ini dari terus berkembang menimbulkan ancaman besar kepada Negara.

Oleh itu, rumusan makalah bagi Tema 3 iaitu Belia dan Isu Antarabangsa adalah seperti berikut:

1. Pembangunan Belia Positif merangkumi pengetahuan dan kebolehcapaian belia dalam isu antarabangsa adalah berkait rapat dengan kesedaran dan kesediaan belia Malaysia dalam merealisasikan Komuniti ASEAN dan mendepani isu keselamatan seperti isu ISIS DAESH dan sebagainya.
2. Usaha memperkasakan golongan belia perlu diperkemaskan lagi melalui pendedahan terhadap isu antarabangsa kepada belia negara. Pelbagai isu antarabangsa perlu diketahui dan dibincangkan bersama belia di Malaysia supaya kesedaran untuk mencorak masa depan mereka dan negara dapat dilakukan dengan cara yang betul.

HALA TUJU BELIA (POLISI DAN DASAR)

Bagi membicarakan tentang hala tuju Belia Malaysia melibatkan polisi dan dasar, kajian bertajuk, 'Kesejahteraan asset belia Malaysia kontemporari: cabaran awal ke arah merealisasikan Dasar Belia Malaysia' oleh Haslinda Abdullah, Dzuhailmi Dahalan, Steven Eric Krauss, Abdul Hadi Sulaiman dan Azimi Hamzah mengupas kesejahteraan asset belia Malaysia kontemporari dalam konteks Pembangunan Belia Positif (PYD). Pembangunan asset adalah konsep PYD yang mensintesis faktor konteks dan individu. Kewujudannya berfungsi untuk melindungi atau menghalang tingkah laku yang boleh menjaskannya kesihatan serta berupaya mempertingkatkan peluang dan hasil PYD. Kajian semasa menunjukkan semua asset dalam (kecuali Aset Gaya Hidup Sihat) menunjukkan skor yang tinggi berbanding skor asset luaran. Sungguhpun begitu, belia Malaysia merasakan bahawa diri mereka kurang mendapat sokongan daripada anggota kejiranannya, di samping kurang mendapat peluang melibatkan diri dalam aktiviti yang bermakna. Ini menyebabkan belia tidak melihat diri mereka sebagai sebahagian daripada anggota dalam masyarakat. Justeru, program pembangunan belia tidak lagi harus dipandang sebagai satu struktur terpencil bahkan perlu untuk menggabungkan golongan belia dan masyarakat melalui kerjasama belia-dewasa (youth-adult partnership). Hal ini penting untuk diberi perhatian oleh semua pemegang taruh di Malaysia yang mempunyai belia sebagai klien ke arah mengenalpasti cabaran awal di dalam merealisasikan Dasar Belia Malaysia (DBM) yang terkini yang berteraskan PYD.

Saridan Abu Bakar yang melakukan kajian melihat kepada 'Kecenderungan, personaliti, kompetensi dan ekspektasi belia masa kini', mengenal pasti empat domain utama ini sebagai mewakili konsep kelestarian belia. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa belia masa kini mempunyai kecenderungan yang tinggi di dalam dimensi enterprising dan politik; berpersonaliti tinggi berbanding dimensi kejujuran dan ketegasan; Belia Malaysia juga mempunyai persepsi yang tinggi terhadap aspek jaringan bagi domain kompetensi serta mempunyai ekspektasi yang tinggi terhadap kebolehpasaran, peluang melanjutkan pelajaran dan kestabilan kewangan.

Kajian bertajuk ‘Tahap patriotisme belia di Malaysia’ oleh Hamidi Ismail, Shamsul Anuar Nasarah, Wasitah Hj. Mohd Yusof, Tuan Pah Rokiah Syed Hussain dan Zaheruddin Othman, menentukan tahap patriotisme belia di Malaysia berdasarkan beberapa aspek dikenalpasti iaitu kefahaman terhadap sistem pentabiran negara, kebanggaan menjadi rakyat Malaysia, perasaan sayang kepada Malaysia, perasaan kekitaan atau memiliki terhadap negara, kesetiaan kepada negara, berdisiplin atau adab baik demi nama baik negara serta peningkatan produktiviti demi negara. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap patriotisme belia di Malaysia dalam kategori tinggi adalah sebanyak 73 peratus dengan nilai min sebanyak 7.26. Kajian ini juga mengesyorkan agar beberapa perkara diambil perhatian serius agar tahap patriotisme belia mencapai kedudukan lebih baik dan seterusnya belia menjadi insan berguna kepada agama, bangsa dan negara. Antaranya adalah dengan menyemak semula kerangka sistem pendidikan formal serta tidak formal (seperti aktiviti atau program khas berterusan) agar benar-benar dapat melahirkan nilai kefahaman, rasa bangga, sayang, kekitaan, kesetiaan, disiplin dan berusaha untuk maju dalam kehidupan melibatkan soal sosio-ekonomi mahupun kerjaya dalam kalangan belia Malaysia demi negara tercinta.

Wasitah Mohd Yusof, Shahhanim Yahya dan Asnida Abd Hamid yang melakukan kajian ‘Penilaian outcome Hari Sukan Negara 2015’, mengkaji pencapaian outcome sambutan Hari Sukan Negara yang pertama kali dianjurkan serentak di seluruh Malaysia pada 10 Oktober 2015. Penganjuran Hari Sukan Negara pada setiap tahun merupakan inisiatif secara strategik ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara bersukan. Kajian ini mengenalpasti tahap kesedaran masyarakat tentang kepentingan bersukan dan melakukan aktiviti kecergasan, semangat perpaduan dalam kalangan rakyat pelbagai kaum melalui aktiviti sukan dan kecergasan dan potensi Hari Sukan Negara 2015 ke arah pembangunan ekonomi negara melalui pembangunan industri sukan serta pencapaian terhadap penglibatan syarikat-syarikat GLC/Korporat/Swasta dalam menjayakan sambutan Hari Sukan Negara. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan program dan aktiviti yang dianjurkan sempena sambutan Hari Sukan Negara ini merupakan inisiatif yang sangat wajar untuk diteruskan ke arah melahirkan masyarakat dan Negara bersukan. Walaubagaimanapun terdapat ruang dan peluang penambahbaikan perlu dilaksanakan oleh pelbagai pihak untuk menjadikan ia satu usaha berterusan untuk menggalakkan masyarakat mengamalkan gaya hidup yang sihat dan cergas dengan bersukan.

Kajian bertajuk ‘Kesejahteraan ekonomi di kalangan belia Malaysia’ oleh Rozailin Abdul Rahman dan Junaidah Hashim mengenalpasti skor indeks terkini keadaan ekonomi belia di Malaysia di samping meninjau sejauh mana pencapaian dan bebanan mereka dari segi jaminan kewangan, kebebasan kewangan, penggajian dan juga kebolehpekerjaan. Kajian mereka juga mengenalpasti apakah harapan belia Malaysia terhadap keperluan ekonomi yang mereka idamkan dan strategi yang sesuai digunakan oleh Kementerian dalam membentuk polisi dan pelan tindakan bagi penambahbaikan kesejahteraan ekonomi belia Malaysia kini dan akan datang.

Alias Masek, Badaruddin Ibrahim, Lai Chee Sern, Marlina Mohamad, Mimi Mohaffyza Mohamad, Fazlinda Ab Halim, Normah Zakaria dan Rasid Razzaq melalui kajian mereka yang bertajuk ‘Potensi belia luar bandar yang tidak menyambung pengajian untuk meningkatkan tahap pendidikan, kemahiran dan produktiviti’ mengenalpasti latar belakang belia yang tidak menyambung pengajian, inisiatif belia untuk menyambung pengajian, kecenderungan minat bidang pengajian, dan faktor halangan bagi belia yang tidak menyambung pengajian. Dapatkan kajian mereka menunjukkan bahawa golongan belia yang tidak menyambung pengajian majoritinya terdiri daripada belia lelaki. Bagi kecenderungan minat belia terhadap bidang pengajian pula, skor min yang paling tinggi ialah bagi bidang pertanian. Faktor diri sendiri dikenalpasti sebagai punca utama belia tidak menyambung pengajian berbanding faktor halangan lain. Secara keseluruhannya, belia di kawasan luar bandar ini berpotensi untuk menyambung pengajian dalam bidang akademik dan latihan kemahiran. Namun, terdapat halangan dan kekangan yang menyebabkan mereka tidak melanjutkan pengajian ke peringkat tertinggi. Justeru, pendedahan secara lebih giat dan dekat perlu dilakukan bagi memperkasakan keperluan latihan

kemahiran mengkhusus kepada bidang pendidikan teknikal dan vokasional dalam kalangan belia luar bandar agar berupaya menyumbang kepada penjanaan produktiviti dan menjadi tunggak utama dalam pembangunan ekonomi negara.

Kajian bertajuk ‘Profesionalisme pekerja belia melalui kompetensi teras’ oleh Lee Kwan Meng melihat kepentingan pekerja belia sebagai tulang belakang dalam program pembangunan belia. Mereka adalah sebenarnya professional yang bekerja dengan belia di pelbagai situasi, Oleh itu, peranan mereka sangat penting dan perlu diperkenalkan. Kajian ini mengenalpasti status pekerja belia di Malaysia, kompetensi sedia ada dan kompetensi pekerjaan yang mereka perlukan. Setakat ini Malaysia belum menetapkan satu piawaian (standard) kompetensi dan skop pekerjaan bagi pekerja belia. Kajian ini menentukan kaedah membentuk profesionalisme dalam kalangan pekerja belia dan bagaimana ia boleh dijadikan asas bagi meningkatkan kualiti amalan pekerjaan pekerja belia Malaysia. Dua belas kompetensi teras dikenalpasti sebagai dimensi profesionalisme kerja belia dan kajian mendapati bahawa pekerja belia di Negara ini masih belum dianggap profesional dan lebih sebagai sukarelawan atau pekerja sosial di sektor NGO. Sebilangan mereka tidak mempunyai kelayakan sepenuhnya dan kompetensi yang sepatutnya dalam melaksanakan tugas sebagai pekerja belia profesional.

Akhir sekali, rumusan himpunan makalah pada Tema 4: Hala Tuju Belia (Polisi dan Dasar) adalah seperti berikut:

1. Aspirasi kepimpinan politik dalam kalangan belia merupakan inisiatif ke arah mewujudkan generasi kepimpinan negara dalam kalangan belia.
2. Kesejahteraan ekonomi merupakan matlamat pencapaian bagi membantu golongan belia untuk lahir sebagai rakan pembangunan negara.
3. Pendidikan dan latihan kemahiran dalam kalangan belia perlu diperhebatkan melibatkan golongan belia di bandar maupun di luar bandar.
4. Profesionalisme kerja belia semakin diiktiraf di Malaysia sebagai mekanisme utama bagi menjamin pembangunan belia positif di Malaysia. Walaubagaimanapun, latihan profesional dan satu piawaian (standard) profesionalisme yang diakreditasikan oleh agensi yang berkaitan seperti Kementerian Sumber Manusia dan dikawalselia oleh sebuah badan profesional belia sangat diperlukan sepetimana yang digarap dalam Dasar Belia Malaysia 2015-2035.

Sebagai penutup, intipati penting daripada keseluruhan himpunan hasil penyelidikan yang ditulis dalam penerbitan ini memperlihatkan keperluan semua pemegang taruh dalam pembangunan belia merangkumi pembuat dasar, pentadbir, penyelidik dan pengamal untuk:

1. Memahami kaedah intervensi yang menyeluruh dalam menangani isu sosial dalam kalangan belia;
2. Memperkuuhkan aset dan potensi belia melalui pendekatan pembangunan belia positif khususnya yang memfokuskan kepada elemen 8C (caring, competent, considerate, character, confident, cooperation, competitive and contribution);
3. Menerapkan elemen nilai dan kerohanian, pendidikan dan latihan kemahiran, kewangan dan keusahawanan, integrasi bagi membantu belia menghadapi arus pembangunan;
4. Mewujudkan sinergi melalui government wide approach bagi memastikan semua tindakan yang diambil diselaraskan;

5. Memperkuuhkan dan memperluaskan pembangunan data yang berpusat dan interaktif sebagai rujukan semua pihak;
6. Memperhebatkan anjuran forum, perbincangan, seminar secara berkala melibatkan golongan belia dan masyarakat;
7. Memperkayakan input berdasarkan kajian samada yang berbentuk fundamental dan gunaan bagi membentuk himpunan data (big data) sebagai input kepada pelan tindakan pembangunan belia di Malaysia secara sistematis dan strategik.

Dalam konteks penerbitan prosiding ini, KBS melalui IYRES sentiasa berlapang dada dengan apa juga input penting yang terhasil daripada kajian yang dijalankan ke arah memartabatkan belia negara. Pada masa yang sama, kami turut mengalu-alukan saranan yang membina secara konsisten bagi memantapkan lagi inisiatif pembangunan belia negara di masa hadapan berteraskan dapatkan kajian empirikal yang relevan dan terkini. Semoga dengan hasil penyelidikan yang mantap ini kita akan mampu menempa perubahan pembangunan belia negara di abad ke 21, 1 Belia 1 Malaysia!